

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Najib antara 4 tokoh sampaikan ceramah

IPOH, Isnin — Timbala n M e n t e r i Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak adalah di antara empat tokoh Pemuda UMNO Malaysia yang akan memberi ceramah di kursus politik dan pentadbiran anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Menglembu di sini Jumaat ini.

Turut membentangkan kertas kerja di kursus sehari di Sekolah Latihan Wanita itu ialah Megat Joned Megat Ayub, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri atas tajuk 'Peranan Pemuda dan Wanita Dalam Perkembangan Politik Masa Kini dan Depan'.

Setiausaha Kerja Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Zainal Abidin bin Husman pula akan membentangkan 'kertaskerja' bertajuk 'Pentadbiran Urusetia', manakala 'kertaskerja' 'Perkembangan Politik Semasa' oleh Encik Anuar Zaini, Setiausaha Khas kepada Menteri Dalam Negeri Datuk Musa Hitam.

Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Menglembu, Encik Zainal Abidin bin Haji Abdul Kadir berkata hari ini kira-kira 300 orang peserta akan hadir di kursus tersebut yang akan dirasmikan pada pukul 9 pagi.

Datuk Najib yang juga Anggota Exco Pemuda UMNO Malaysia akan memberi beberapa nasihat kepada rombongan ahli-ahli pergerakan tersebut.

Penutup kursus yang julung-julung kali dianjurkan itu akan dilakukan oleh Ketua Pemuda UMNO Perak, Haji Zainal Abidin bin Zin yang juga Anggota Exco Kerajaan Negeri pada pukul 4.30 petang.

Encik Zainal Abidin menambah, kursus itu dianjurkan adalah sebagai hasrat pergerakan tersebut memberi bimbingan mengenai hal ehwal pentadbiran dan aktiviti politik semasa bagi faedah mereka.